

PERANAN AKHBAR

— OLEH DR. M

MM 23 SEP 1979

KUALA LUMPUR 22 September — Kerajaan hari ini menekankan betapa perlunya satu had ditetapkan bagi kebebasan akhbar di negara ini untuk mengelak sebarang penyalahgunaannya.

Pemangku Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pada masa ini tidak ada cara yang betul-betul berkesan untuk menentukan setakat mana kebebasan ini boleh dibiarkan.

Kebebasan akhbar tegasnya, adalah sama seperti kebebasan-kebebasan lain yang mempunyai had masing-masing.

"Masalahnya, ialah menentukan had ini. Setakat manakah kebebasan ini boleh dibiarkan," katanya semasa merasmikan Persidangan Komunikasi anjuran Persatuan Penulis Nasional dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka di sini hari ini.

"Ada yang berkata kerajaanlah yang patut menentukan had ini, tetapi ada pula yang berkata pemberita dan ahli suratkhbar adalah orang yang berfikiran waras dan merekalah yang akan menentukannya," kata beliau.

Dr. Mahathir menambah, "Ada yang lain berkata orang asing sebelah patut mengadakan dan ada yang berkata pihak-pihak yang terlibat patut dirundingkan."

"Yang nyata ialah kita tidak ada cara yang betul-betul berkesan. Kita masih meraba-raba," beliau menambah.

Dr. Mahathir meminta para peserta persidangan itu yang terdiri dari ahli-ahli dalam bidang komunikasi moden termasuk penulis, wartawan, juru media elektronik dan pakar perhubungan mencari jalan

Oleh KHALID MOHD

yang selamat bagi menentukan had kebebasan akhbar di negara ini.

Pemangku Perdana Menteri berkata, soal kebebasan akhbar adalah satu soal yang sering dikaitkan dengan demokrasi. Di antara mereka yang nyaring sekali memperjuangkan hak kebebasan ini ialah mereka yang menguasai alat berita dunia.

Dr. Mahathir mensifatkan kebebasan yang dituntut oleh World Press itu sebagai salah satu cara yang berkesan oleh bekas-bekas inperialis untuk mengekalkan inperialisme.

Menjelajah dunia

Untuk menjadikan World Press ini berkesan ke arah menjajah dunia, kuasa-kuasa barat memerlukan kebebasan membuat laporan sesuka hati mereka.

"Dasar ini ditafsirkan sebagai kebebasan akhbar dan kadang-kadang kita nampak tangan Yahudi dalam kegiatan ini," tegasnya.

Dr. Mahathir berkata, dengan menjadikan apa yang disebut sebagai kebebasan akhbar ini sebagai satu virtue yang mesti ada sebelum demokrasi diiktiraf, mereka bukan sahaja bebas memainkan kuasa press, tetapi berjaya pula mendapat sokongan dari penduduk negara-negara bekas jajahan takluk mereka.

"Dengan kuasa ini maka kekallah penjajahan mereka sehingga dapat mereka tentukan siapa yang akan jadi kerajaan dan siapa tidak," katanya.

Beliau menarik perhatian tentang adanya orang-orang Islam di setengah negara yang kononnya mengamalkan "Islamic Fundamentalism" dengan

mudahnya diperalatkan oleh akhbar dunia dan orang lain yang berkepentingan.

Dr. Mahathir berkata, psikologi laporan berita dan psikologi pelanggan akhbar perlu difaham kerana ia boleh diperalatkan oleh mereka yang berkepentingan dan memburukkan keadaan di mana-mana sahaja.

Psikologi ini tambahan, memberi kuasa yang besar kepada mereka yang menguasai media massa.

"Kuasa ini seperti pisau yang tajam, boleh membinasa dan membunuh, tetapi boleh juga mengukir sesuatu yang cantik dan mempersonakan," ujarnya.

Sementara itu Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini beliau akan menerangkan kepada orang ramai tentang issue diesel di televisyen tidak lama lagi.

Beliau berkata, orang ramai perlu memahami masalah kekurangan diesel dan masalah tersebut boleh diatasi seandainya mereka bekerjasama dengan kerajaan.

Beliau berkata, rancangan televisyen di mana beliau akan membuat penerangan tersebut mungkin akan merupakan perbincangan panel.

Beliau berkata, pada masa sekarang kementerianya menerima empat atau lima aduan sehari berkaitan dengan masalah diesel itu.